

12/06/2004

Mukhriz tawar diri dua jawatan

ALOR STAR: Datuk Mukhriz Mahathir, anak kelima bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menawarkan diri untuk bertanding dua jawatan masing-masing dalam Pergerakan Pemuda Umno Pusat dan negeri.

Mukhriz, 40, ahli perniagaan, berhasrat bertanding jawatan Exco Pemuda Umno Pusat dan Ketua Pemuda Umno bahagian Kubang Pasu.

Difahamkan, Pemuda Umno Kedah akan meluluskan resolusi untuk mengesah dan menyokong Mukhriz bertanding jawatan itu pada mesyuaratnya tidak lama lagi.

Mukhriz berkata, beliau berterima kasih terhadap keyakinan dan sokongan Pemuda Kedah terhadapnya.

"Saya berterima kasih atas sokongan mereka. Saya sedar akan memikul tanggungjawab berat jika dipilih sebagai Exco Pemuda tetapi saya akan lakukannya," katanya.

Mukhriz juga berkata, beliau berhasrat bertanding jawatan Ketua Pemuda Bahagian Kubang Pasu untuk memberi sumbangan di bahagian itu.

Pada masa ini, Mukhriz memperoleh enam pencalonan bagi jawatan ketua Pemuda bahagian daripada 16 cawangan Pemuda di Kubang Pasu yang selesai bermesyuarat.

Beliau memerlukan tujuh lagi pencalonan daripada baki 88 cawangan Pemuda Umno di bahagian itu untuk melayakkannya bertanding.

"Saya hanya menyatakan hasrat bertanding minggu lalu. Saya boleh dikatakan terlewat (menyatakan hasrat) tetapi yakin dapat memberi perkhidmatan kepada bahagian itu," katanya.

Mukhriz juga menolak dakwaan bahawa bapanya tidak menggalakkan beliau menyertai politik.

(END)